

Amira tak puas hati

Jaguh lompat kijang gagal perbaharui catatan terbaik

>>Oleh **WAN NORIZA MEOR IDRIS**

wannoriza@nstp.com.my

MESKIPUN mengungguli acara lompat kijang Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT), semalam, Noor Amira Mohamad Nafiah tidak puas hati dengan pencapaian di temasya sulung ini.

Pada final di Stadium Mini Majlis Sukan Negara (MSN), atlet elit kebangsaan yang mewakili Universiti Putra Malaysia (UPM) itu mencatat 12.58 meter menewaskan Merrey Gabali dari Universiti Malaysia Sabah (UMS), 11.30m, kedua. Manakala wakil Univer-



IMBAS...Noor Amira puas muncul juara kebangsaan.

siti Teknologi Mara (UiTM), Lili Hartini Ahmad Zamri mencatat 11.19m akur di tangga ketiga.

"Tidak puas hati, ini bu-

rana mencipta 13.90m di Terbuka Kebangsaan, baru-baru ini.

"Tiada saingan di sini. Lantas saya sekadar menjadikan SUKIPT sebagai



medan pemanas badan sebelum cuba mencipta pencapaian lebih baik di Sukan Universiti Asean (AUG), Laos, bulan depan.

"Di Laos, saya meletakkan sasaran pingat emas dan memecah rekod sendiri sekali gus memberi aksi terbaik untuk menempah tiket ke Sukan Sea Myanmar tahun depan," kata penuntut tahun akhir Ijazah Pemanakan dan Kesihatan itu.

Mengulas lanjut, katanya kejohanan utama banyak terhidang pada tahun depan dan dia perlu mempersiapkan diri bermula dari sekarang.

"Berdasarkan prestasi saya pada masa ini, masih banyak perlu diperbaiki andai ingin unggul di mana-mana kejohanan serta temasya utama tahun depan."

Jurulatih sanjung komitmen pemain

>>Oleh **SAIFUL AFFENDY SAPRAN**

saifulaffendy@hmetro.com.my

MISI skuad remaja negara mempertahankan kejuaraan Piala Sultan Johor bermula hari ini apabila bertemu Jerman di Stadium Hoki Taman Daya, tugas pertama yang amat getir bagi anak buah Muhammad Dharmaraj Abdullah.

Skuad remaja membuktikan kemampuan apabila muncul juara edisi pertama selepas menewaskan Australia di final meskipun tidak dilabel sebagai pasukan pilihan.

Kini situasinya berbeza apabila mereka pasti menjadi tumpuan lima pasukan bertanding, New Zealand, Australia, Pakistan, India serta Jerman.

Skuad dibarisi pemain berpengalaman, termasuk barisan yang menjulang gelaran musim lalu memberi isyarat Muhammad Dharmaraj juga tidak ma-

KEJOHANAN HOKI PIALA SULTAN JOHOR

>HARI INI

New Zealand **mln** - Pakistan (4.05 ptg)

Australia **mln** India (6.05 ptg)

Malaysia **mln** Jerman (8.05 mlm)

hu kejohanan dimenangi anak buahnya terlepas ke tangan pasukan lain.

"Gelaran juara ini salah satu misi yang perlu disempurnakan. Untuk mempertahankan kejuaraan bukan mudah kerana pasukan lain pasti menilai kemampuan kami.

"Selepas mengumumkan senarai akhir skuad, saya yakin inilah barisan terbaik kita ada.

"Saya yakin sepenuhnya kemampuan pemain yang dipercayai corak latihan yang saya ketengahkan.

"Pengalaman melatih mereka amat bermakna kerana mereka sentiasa memberikan komitmen tinggi," katanya.